

1984

KUALA LUMPUR, D E C 3 (BERNAMA)-- STRATEGI PERTAHANAN KESELAMATAN TERLETAK KEPADA PEMBINAAN KETAHANAN NASIONAL DAN PEMBENTUKAN SEKITARAN STRATEGIK DIMANA ANCAMAN-ANCAMAN DIMINIMUMKAN, PERDANA MENTERI, DATUK SERI DR. MAHATHIR MOHAMAD MEMBERITAHU PARA PESERTA SATU FORUM ANTARABANGSA DI SINI HARI INI.

BERUCAP DI + FORUM MASYARAKAT SEDUNIA MALAYSIA 84+, PERDANA MENTERI YAKIN BAHAWA BARISAN PERTAMA PERTAHANAN SETIAP BUAH NEGARA EUKANLAH KEMAMPUAN KETENTERAANNYA.

DATUK SERI DR. MAHATHIR, YANG JUGA MENTERI PERTAHANAN, MEMBERITAHU LEBIH 60 PESERTA DARI SELURUH PELUSUK DUNIA BAHAWA MALANGNYA TERDAPAT MEREKA KANG PERCAYA BAHAWA+ SEKIRANYA ANDA MAHUKAN KEAMANAN MAKA ANDA HENDAKLAH MEMBUAT PERSEDIAAN UNTUK BERPERANG.+

ANGGAPAN NEGARA-NEGARA YANG CINTAKAN KEAMANAN DI MASA LALU BAHAWA KEAMANAN HANYA TERJAMIN MELALUI IMBANGAN KETENTERAAN SUDAH TIDAK BOLEH DIPAKAI LAGI DALAM ZAMAN SENJATA-SENJATA SOFISTIKATED DAN MAHAL INI, TAMBAHNYA.

DASAR ITU AKAN MENARIK NEGARA-NEGARA LAIN KE ARAH MENINGKATKAN PEREELANJAAN PERTAHANAN, KATA PERDANA MENTERI.

+ MASYARAKAT SEDUNIA, YANG BUNYINYA BEGITU LUNAK, AKAN MEMBAWA KEHANCURAN KEPADA DUNIA SEKIRANYA DILAKSANAKAN PANDANGAN BAHAWA PERSEDIAAN UNTUK BERPERANG PERLU DIBUAT BAGI MENGELAKKANNYA, TAMBAH BELIAU.

DATUK SERI DR. MAHATHIR BERKATA SEBALIKNYA JIKA DASAR + MENJALINKAN PERSAHABATAN DENGAN MEREKA YANG INGIN BERSAHABAT DENGAN KITA+ DITERUSKAN, KONSEP SEKITARAN STRATEGIK DENGAN ANCAMAN YANG MENIMUM BOLEH DIJAYAKAN TANPA PERLU MEMNGUNAKAN SEBARANG TINDAKAN KETENTERAAN.

BELIAU BERKATA BAHAWA ASEAN, YANG TELAH MENJADI KUMPULAN SERANTAU KEDUA PALING EFEKTIF, SELAIN DARIPADA EEC, BOLEH MEMBERI PANDUAN KEPADA KERJASAMA SELURUH KAWASAN PASIFIK.

WALAUPUN IDEA MENGENAI MASYARAKAT PASIFIK YANG DICADANGKAN BELUM LAGI MENJADI KENYATAAN, IDEA ITU PATUT DIBINCANGKAN.

KATANYA, HALANGAN KEPADA KERJASAMA SEPERTI ITU ADALAH BESAR SEKALIPADA MASA INI, SEHINGGAKAN KERJASAMA YANG MENIMUM PUN TIDAK MUNGKIN.

YELIAU BERPENDAPAT BAHAWA NEGARA-NEGARA LEMBAH PASIFIK BOLEH MENCAPAI BANYAK KEJAYAAN DENGAN MENGADAKAN PERBINCANGAN-PERBINCANGAN TIDAK RASMI DI SEMUA PERINGKAT DAN BERBAGAI BAGAT PERKARA.

DATUK SERI DR. MAHATHIR JUGA MENARIK PERHATIAN BAHAWA WALAUPUN TELAH MENJADI CARA SEKARANG BERCAKAP MENGGUNAKAN ISTILAH +RAKYAT DUNIA+ DAN +MASYARAKAT DUNIA+ YANG SEMEMANGNYA MENARIK, TETAPI DUNIA JUGA HARUS TIDAK MELUPAKAN MASALAH YANG MEREKA HADAPI SEKARANG.

BELIAU BERKATA, DI MANA-MANA ORANG BERKUMPUL BERCAKAP MENGENAI KERJASAMA SEDUNIA, TETAPI ADA YANG LAIN YANG SENTIASA MERANCANG MEMECAH BELAHKAN DUNIA INI.

DATUK SERI DR. MAHATHIR JUGA MENYENTUH KECENDERUNGAN NEGARA-NEGARA MAJU DUNIA MENGAMALKAN SIKAP PERLINDUNGAN BARANG-BARANG SENDIRI.

KATANYA, NEGARA-NEGARA MAJU SEMESTINYA SEDAR BAHAWA MEREKA + PADA SATU HARI NANTI MESTI TUNDUK KEPADA NEGARA-NEGARA MEMBANGUN.+

MENGENAI ASIA TENGGARA, BELIAU BERKATA WALAUPUN KESELURUHAN RANTAU INI SEMAKIN MAJU, SEMENANJUNG INDOCHINA MASIH JUGA TELIBAT DALAM PERANG YANG MELEMAHKAN DIRINYA DAN SETERUSNYA MENJEJASKAN KEMAJUANNYA.

PARA PERSERTA LUAR NEGERI YANG MENYERTAI FORUM DUA HARI ITU  
TERMASUK TIMBALAN PERDAN'A MENTERI PERTAMA SINGAPURA, DR. GOHKENG  
SWEE DAN MENTERI LUAR PULAU COOK, ENCIK NORMAN GEORGE DAN SATU  
PERWAKILAN PERINGKAT TINGGI DARI JEPUN.

PERWAKSLAN MALAYSIA TERMASUK MENTERI LUAR, TENGGU AHMAD  
RITHAUDDEEN.

NEGARA-NEGARA YANG MENYERTAI FORUM ITU TERMASUK HONG KONG,  
NEGERI THAI, FILIPINA, INDONESIA, AUSTRALIA, NEW ZEALAND, PERANCIS,  
CHINA, INDIA, UNITED KINGDOM, AMERIKA SYARIKAT, FIJI, CANADA,  
BRAZIL, CHILE DAN KOREA SELATAN.

FORUM ITU DIANJURKAN BERSAMA OLEH INSTITUT KAJIAN STRATEGI DAN  
ANTARABANGSA MALAYSIA DAN PERSATUAN GALAKAN KERJASAMA ANTARABANGSA  
JEPUN.

-- BERNAMA.

1433MST 03 12 84